

PERATURAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA 2022: ULASAN TERHADAP PINDAAN JAWATANKUASA MUZAKARAH MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM

Malaysia's National Council for Islamic Affairs Regulation 2022: Comments on The Amendments of The National Council for Islamic Affairs Consultation Committee

Ahmad Tarmizi Mahmud^{1a*}, Irwan Mohd Subri Mohd^{2b} dan Nasir Abdul Majid^{3c}

^aFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: ibnmahmud83@gmail.com¹

^bFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM),

Emel: irwan@usim.edu.my²

^cFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM)

Emel: nasirmajid08@usim.edu.my³

*Corresponding Author: ibnmahmud83@gmail.com

Received: 4 April 2024

Accepted: 2 July 2024

Published: 30 September 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no3.589>

Abstrak	Abstract
<p><i>Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) merupakan satu entiti yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada 17 Oktober 1968. Ia merupakan badan yang bertanggungjawab dalam melakukan penyelarasan pentadbiran agama Islam di seluruh negara berdasarkan kepada bidangkuasanya yang termaktub dalam Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia 1968 (Peraturan MKI 1968). Namun begitu, pada tahun 2022, peraturan ini telah dipinda bertujuan bagi menambahbaik tadbir urus MKI. Pindaan ini telah memberikan nafas baharu kepada kefungsian majlis ini serta beberapa jawatankuasa yang ditubuhkan di bawahnya.</i></p>	<p><i>The National Council for Islamic Religious Affairs (MKI) is an organization established by the Council of Rulers on October 17, 1968. Its primary responsibility is to coordinate the administration of Islam throughout the country based on its powers as outlined in the Regulations of the National Council for Islamic Affairs Malaysian Islamic Religious Affairs 1968 (MKI Regulations 1968). In 2022, this regulation was amended to improve MKI's governance, which has revitalized the functionality of this council and several committees operating under it. Therefore, this study</i></p>



This is an open-access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution License (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original author(s) and source are properly credited.

<p>Oleh itu, kajian ini dikemukakan bagi meninjau pindaan yang telah dilakukan terhadap jawatankuasa fatwa yang merupakan salah satu jawatankuasa di bawah MKI. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan metodologi analisis dokumen yang merangkumi buku, akta, enakmen, artikel penyelidikan dan juga Peraturan MKI. Kaedah temubual separa berstruktur dan penelitian secara komparatif juga telah dilakukan dalam mengulas perubahan yang berlaku terhadap jawatankuasa fatwa tersebut. Hasil kajian mendapat terdapat beberapa pindaan telah dilakukan yang merangkumi penubuhan dan perlantikan, keanggotaan, tugas dan juga penjenamaan baharu jawatankuasa tersebut. Didapati pindaan yang telah dilakukan bertujuan memberikan nilai tambah kepadaanya tanpa menjelaskan kefungsian asal jawatankuasa ini.</p> <p>Kata Kunci: Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Ulasan, Pindaan & Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam</p>	<p>aims to review the amendments made to the fatwa committee, which is one of the committees under MKI. This research is qualitative and employs a document analysis methodology, including books, acts, enactments, research articles, and MKI Regulations. Semi-structured interviews and comparative research were also conducted to provide a commentary on the changes that occurred to the fatwa committee. The study results reveal that several amendments were made, including the establishment and appointment, membership, assignments, and rebranding of the committee. The amendments aim to add value to the committee without affecting its original functionality.</p> <p>Keywords: Regulations of the National Council for Islamic Religious Affairs of Malaysia, Comments, Amendments & Muzakarah Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs</p>
---	---

1. PENGENALAN

Al-fatwā atau *al-futyā* adalah dua perkataan yang mempunyai makna yang sama dalam bahasa Arab. Kedua-duanya adalah dua nama yang menepati makna *al-ifṭā'* (Al-Hukmiy, 2001). Fatwa atau *al-ifṭā'* ialah pemberitahuan tentang hukum syarak yang bukannya dalam bentuk kewajipan (untuk dilakukan atau diterima). Oleh itu, seseorang mufti tidak berhak mewajibkan seseorang untuk berpegang kepada pendapatnya manakala qadhi pula berhak untuk memaksa seseorang patuh kepada keputusannya (al-Shāṭibiyy, 1985) Fatwa juga dikenali sebagai penjelasan hukum syarak kepada pihak yang bertanya (al-Bahūtiyy, 1993). Mahmud Shaltūt (1995) berkata orang Islam sejak daripada zaman Nabi SAW hingga ke saat ini mengambil hukum agama daripada ulama-ulama mereka sebagai suatu bentuk penerangan iaitu tanpa didahului dengan persoalan manakala penerangan yang di dahului dengan persoalan dikira sebagai fatwa.

Mufti pula ialah individu yang layak untuk mengeluarkan fatwa dan ia merupakan satu tugas yang mulia. Ibn al-Qayyīm (1996) menggambarkan

mufti sebagai "المُوقَّعُ عَنِ اللَّهِ تَعَالَى" iaitu orang yang mewakili Allah SWT dan dalam satu keadaan yang lain ia dianggap pengganti Nabi SAW "خَلِيفَةُ النَّبِيِّ" dalam menyampaikan hukum-hakam berkaitan agama Islam. Hal ini jelas menunjukkan jawatan mufti merupakan tugas yang amat berat dalam memberikan solusi terhadap fenomena agama yang berlaku.

Mufti adalah merupakan antara jawatan penting dalam tugas melaksanakan syariah di dalam kerajaan Melayu yang berpaksikan Islam. Kadangkala mufti juga dikenali sebagai *Shaykh al-Islām* di sesetengah negeri. Mufti secara umumnya bertindak sebagai penasihat dalam hal-hal berkaitan agama Islam. Dalam lipatan sejarah di negeri-negeri Melayu, terbukti sultan-sultan yang memerintah telah melantik ramai para ulama yang berwibawa sebagai mufti atau penasihat mereka dalam isu-isu keagamaan. Berdasarkan kepada kebanyakan akta dan enakmen negeri, secara umumnya jawatan mufti berperanan dalam membantu menasihati Yang Dipertuan Agong atau Sultan dalam segala perkara yang berkaitan hukum syarak (Zulfaqar Mamat, 2014).

Di Malaysia, Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah ditetapkan oleh Majlis Raja-Raja pada 17 Oktober 1968. Berdasarkan kepada Peraturan 14, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, memperuntukan Jawatankuasa Fatwa ialah suatu jawatankuasa yang ditubuhkan berperanan untuk menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja, manakala di peringkat negeri pula diputuskan oleh jawatankuasa fatwa negeri mengikut enakmen dan akta negeri masing-masing (Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 1968). Namun begitu, pada tahun 2022, Peraturan MKI ini telah dipinda dan diberikan penambahbaikan tadbir urus baharu yang menyaksikan pindaan Jawatankuasa Fatwa kepada Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam atau juga dikenali sebagai Jawatankuasa Muzakarah MKI (Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, 2022). Oleh itu, memandangkan jawatankuasa fatwa ini telah diberikan pejenamaan yang baharu, maka kajian ini dilakukan bagi membuat tinjauan serta ulasan terhadap pindaan-pindaan tersebut.

2. METODOLOGI

Kajian ini bersifat kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen bagi melihat sejauhmana pindaan telah dilakukan terhadap Peraturan MKI 1968. Penyelidikan kualitatif bertujuan memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian (Merriam et.al., 2002; Ritchie

& Lewis, 2005). Selanjutnya, Merriam (1998) dan Patton (2002) menegaskan penggunaan kaedah kualitatif dalam sesuatu penyelidikan bertujuan memahami secara holistik pengalaman manusia dalam sesuatu konteks. Oleh itu, menurut Merriam (2002), penyelidikan kualitatif adalah berbentuk induktif.

Kajian ini turut mengaplikasi kaedah komparatif dalam membuat perbandingan antara kedua-dua peraturan tersebut dari sudut kelebihan dan juga kekurangan. Menurut Pickvance (2005) Kekuatan analisis perbandingan sebagai reka bentuk penyelidikan adalah keupayaannya untuk memperkenalkan penjelasan tambahan bagi pembolehubah dan juga menunjukkan perhubungan sama ada lebih atau kurang daripada apa yang difikirkan. Bagi mengukuhkan ulasan yang dilakukan, sesi temubual juga dilakukan bersama-sama pengawai JAKIM yang merupakan sekretariat yang bertanggungjawab dalam menguruskan jawatankuasa ini.

3. TINJAUAN LITERATUR

Seiring dengan penubuhan MKI juga, satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFK) telah ditubuhkan pada awal 1970 berdasarkan kepada peruntukan dalam peraturan MKI perkara 11. Penubuhan tersebut dilihat perlu ekoran daripada berlakunya ketidakseragaman hukum termasuk hukum yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri serta percanggahan fatwa di antara fatwa negeri-negeri Melayu (Mahyudin Daud & Ahmad Najib Abdullah, 2019).

JFK ini memainkan peranan yang besar sebagai wakil negara Malaysia dalam memutuskan sesuatu hukum yang bersangkutan dengan hal ehwal agama Islam peringkat kebangsaan dan memberi petunjuk kepada masyarakat awam keseluruhannya dalam beriltizam dengan hukum hakam syarak. Fatwa yang dikeluarkan oleh JFK adalah fatwa yang menyentuh kepentingan nasional. Pada kebiasaan menyentuh persoalan yang berkaitan dasar, polisi, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensi (Mohd. Mohadis Yasin, 2007).

Berdasarkan kepada temubual yang dilakukan oleh Mahyudin Daud & Ahmad Najib Abdullah (2019) dengan mantan penggerusi JFK Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Haji Husin, beliau menjelaskan bahawa berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh JAKIM, sebanyak 86 peratus

daripada respondan lebih senang dengan fatwa kebangsaan berbanding negeri yang berautoriti. Ini kerana mereka mengatakan pandangan fatwa kebangsaan ini adalah sangat relevan dan semasa.

Kajian-kajian yang lalu dilihat lebih memberikan penekanan kepada relevensi jawatankuasa ini tanpa sebarang ulasan lanjut terhadap peraturannya. Pengkaji juga tidak mendapati sebarang kajian mengupas mengenai Peraturan MKI 2022 yang baharu ini. Justeru, melihat kepada perkara tersebut, maka kajian ini akan membincangkan perubahan yang telah dilakukan peraturan tersebut dalam usaha untuk mengangkat dan memperkasakan jawatankuasa ini.

4. SEJARAH INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA

Dalam sudut lanskap kefatwaan di Malaysia, ia telah menyaksikan bidang kefatwaan ini bertapak awal sejak kedatangan Islam di kesultanan Melayu Melaka di mana pemerintah telah melantik Kadi Yusuf dan Kadi Melewar untuk mentadbir hal ehwal berkaitan agama Islam. Menurut Roff, pada tahun 1820-an jawatan mufti telah wujud di Kelantan, di mana mufti sebagai pakar rujuk dalam hal keagamaan, selain memiliki kuasa kehakiman (Zufaqar Mamat, 2014).

Institusi fatwa pada awal perjalannya (selepas merdeka) diletakkan di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di mana pegawai dan kakitangan pejabat Mufti merupakan sebahagian daripada kakitangan JAIN/MAIN kecuali Kelantan yang telah menjadi jabatan berasingan sejak ditubuhkan (Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, 2002). Walau bagaimanapun, mulai tahun 1985, kebanyakan pejabat Mufti telah mula mengorak langkah untuk menjadi jabatan yang berasingan daripada JAIN/MAIN. Sehubungan itu, Mufti pula bertanggungjawab secara langsung dalam membantu dan menasihati DYMM Sultan atau Yang di-Pertuan Agong berkenaan semua perkara hukum syarak dan menjadi pihak berkuasa utama di negeri berkenaan selepas DYMM Sultan atau Yang di-Pertuan Agong dalam perkara berkaitan fatwa (Ahmad Hidayat Buang, 2000).

4.1 *Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri*

Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri bermula secara rasmi dengan terlaksananya enakmen, ordinan atau akta berkaitan fatwa di negeri-negeri. Dalam enakmen/ordinan/akta telah diperuntukkan seksyen berkaitan penubuhan jawatankuasa fatwa yang berfungsi untuk membantu jabatan mufti mengeluarkan sesuatu fatwa bagi pihak kerajaan negeri (Zulfaqar

Mamat, 2014). Sebagaimana contoh dalam Seksyen 37 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) yang menyebut:

“Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak”.

Seperti yang termaktub dalam akta/enakmen, peranan jawatankuasa fatwa di setiap negeri adalah untuk menasihati dan membantu mufti membuat ketetapan hukum atau fatwa bagi negeri tersebut. Manakala kuasa untuk mengeluarkan fatwa adalah terletak kepada mufti sebagai pihak berkuasa utama berkaitan hukum syarak di negeri tersebut (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993).

Pada kebiasaananya dalam isu-isu yang mudah, mufti akan mengeluarkan fatwa sendirian. Sekiranya isu tersebut melibatkan masalah yang rumit dan kontroversi, maka mufti sebagai pengurus jawatankuasa fatwa, hendaklah terlebih dahulu memanggil jawatankuasa fatwa bagi membincang dan mendapat pandangan berhubung isu yang hendak difatwakan tersebut. Farid Sufian Shuib et.al (2001) menyatakan memandangkan kedua-dua pihak (mufti dan jawatankuasa fatwa) menanggung tanggungjawab yang sama dalam mengeluarkan fatwa, maka apa-apa rujukan yang dibuat kepada jawatankuasa fatwa adalah juga bermakna membuat rujukan kepada mufti. Enakmen terkini yang digunakan di kebanyakan negeri pula menyaksikan, pihak jawatankuasa fatwa telah diberi kuasa untuk menyediakan fatwa bagi pihak Sultan atau Yang Di Pertuan Agong (Fasal 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 dan Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004)

Menurut Mahmood Zuhdi (2010), adalah menarik sekali bahawa fatwa di Malaysia tidak boleh dikeluarkan kecuali setelah dibincangkan dalam jawatankuasa fatwa. Ini kerana ia lebih terjamin dari segi ketepatan berbanding yang dikeluarkan oleh mufti secara bersendirian. Ia juga menepati konsep *“ijtihad jamā‘iy”* yang melibatkan berbagai-bagai kepakaran boleh digabung jalin bagi tujuan menentukan hukum yang paling tepat dengan kehendak syarak dan memberi lebih kebaikan kepada masyarakat.

Konsep *“ijtihad jamā‘iy”* ini juga yang disarankan oleh kebanyakan ulama-ulama Islam kontemporari dalam menangani masalah berkaitan hukum. Menurut Abdul Hamid (2003), keperluan fatwa dalam kehidupan masa kini adalah luas dan tidak terbatas, penyelesaiannya memerlukan ilmu yang tinggi dan kemampuan berijtihad. Jika kemampuan tersebut tidak mampu dilakukan oleh seorang ulama maka sudah tentu ia perlu dilakukan oleh beberapa orang


ulama secara berjemaah, iaitu gabungan ulama yang berkebolehan dalam pelbagai bidang seperti ilmu syariah, al-Quran dan hadis digabungkan dengan mereka yang berkepakanan dalam bidang lain seperti ekonomi, perundangan, perubatan dan sebagainya. Dengan itu, persoalan hukum akan dapat diatasi dengan baik, sebagai memenuhi tuntutan perlunya pelaksanaan ijihad.

4.2 *Penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFK)*

Peruntukan kuasa kepada sultan setiap negeri dalam urusan agama menyebabkan berlakunya perbezaan struktur dan organisasi agama termasuklah antara iabatan-jabatan mufti (Othman Ishak, 1981). Selain itu, para mufti yang dilantik di setiap negeri juga tidak terikat kepada negeri lain dalam mengeluarkan fatwa, malahan mereka mempunyai bidangkuasa tersendiri mengenai fatwa. Perkara ini menyebabkan kadangkala timbul perbezaan fatwa di antara negeri-negeri dalam masalah hukum yang sama (Mohd Mohadis Yasin, 2007).

Ketidakselarasan antara institusi pentadbiran hal ehwal Islam termasuklah institusi fatwa antara negeri-negeri ini telah mendapat perhatian Raja-Raja Melayu. Pada tahun 1968 satu sekretariat kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah ditubuhkan sebagai badan perhubungan pentadbiran hal ehwal Islam antara negeri-negeri. Ekoran daripada itu, mulai 1 Julai 1969 MKI telah berfungsi secara rasmi yang dianggotai oleh kesemua negeri di Malaysia kecuali Kedah dan Pahang (Othman Ishak, 1981). Pengurus pertama MKI ialah Tengku Abdul Rahman Putra al-Hajj yang juga merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan setiausaha yang pertama ialah Dato' Haji Ismail bin Panjang Aris (Jabatan Perdana Menteri, 1971).

Urusetia MKI ini terus dikembangkan lagi fungsinya di mana pada tahun 1974 urusetia ini telah diberi tanggungjawab menyelaras pentadbiran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Masjid Negara, Pusat Penyelidikan Islam dan Institut Dakwah Dan Latihan Islam (INDAH). Menjelang 1977, urusetia ini dinaik taraf menjadi Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dan pada 21 Mei 1985 namanya ditukar menjadi Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) dan seterusnya pada tahun 1997 selaras dengan fungsinya yang semakin penting ia dinaiktaraf menjadi Jabatan yang dikenali dengan nama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sehingga ke hari ini (Hashim Abdullah, 1998). Berikut merupakan ringkasan perkembangan Urusetia MKI sebagaimana di bawah:

**Rajah 1.** Kronologi perkembangan Urusetia MKI

Seiring dengan penubuhan MKI juga, satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFK) telah ditubuhkan pada awal 1970 berdasarkan kepada peruntukan dalam peraturan MKI Perkara 11 (a) yang menyatakan (Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 1981);

"Maka hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- i. *Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dari antara ahli-ahlinya;*
- ii. *Mufti tiap-tiap Negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam hal ehwal agama;*
- iii. *Lima orang alim ulama yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja;*
- iv. *Seorang ahli yang beragama Islam dari perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau dari profesion undang-undang yang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.*

Namun begitu, pada tahun 24 Jun 2010, Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-221 (hari Yang Kedua) telah bersetuju dengan pindaan Perkara 11 (a) (iii) Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang memperuntukkan:

"Sembilan orang ahli yang beragama Islam terdiri daripada Alim Ulama, kalangan profesional (Sains dan perubatan, farmaseutikal, bioteknologi, industri halal, mamalah dan kewangan Islam seperti takaful, perbankan Islam dan pasaran modal) dan pakar-pakar yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja."

JFK ini memainkan peranan yang besar sebagai wakil negara Malaysia dalam

memutuskan sesuatu hukum yang bersangkutan dengan hal ehwal agama Islam peringkat kebangsaan dan memberi petunjuk kepada masyarakat awam keseluruhannya dalam beriltizam dengan hukum hakam syarak. Fatwa yang dikeluarkan oleh JFK adalah fatwa yang menyentuh kepentingan nasional. Pada kebiasaannya ia menyentuh persoalan yang berkaitan dasar, polisi, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensi (Mohd Mohadis Yasin, 2007). Ini dijelaskan melalui arahan pentadbiran JFK yang mensyaratkan bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh JFK hendaklah berpandukan kriteria berikut (Mustafa Abdul Rahman, 2006):

- i. Masalah-masalah keagamaan yang bukan bersifat tempatan tetapi berkaitan dengan hal ehwal umat Islam secara keseluruhannya.
- ii. Masalah-masalah keagamaan yang mungkin berlaku di negeri lain.
- iii. Masalah keagamaan yang bersifat tempatan atau daerah yang dikemukakan oleh mana-mana ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri.

Fatwa-fatwa yang dibincang dan diputuskan dalam JFK ini dikeluarkan melalui dua cara iaitu:

- i. Melalui arahan Mesyuarat Majlis Raja-Raja:
 - a. Prosesnya bermula apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja menitahkan supaya JFK mengeluarkan hukum tentang sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat. Mesyuarat JFK akan diadakan dan keputusannya perlu diangkat dan dikemukakan kepada MKI yang akan menimbang dan membuat pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja untuk diperkenankan. Ia kemudiannya diserahkan oleh Setiausaha MKI kepada Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri untuk diwartakan. Keputusan fatwa yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya oleh negeri yang menjadi ahli tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja. (Zulfaqar Mamat 2014).
- ii. Tanpa arahan Mesyuarat Majlis Raja-Raja:
 - a. Prosesnya bermula apabila mendapat permohonan daripada masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Isu yang dikemukakan akan dikaji dan disediakan satu kertas kerja yang akan dinilai oleh satu Panel Kajian di peringkat JAKIM, seterusnya kertas kerja dan keputusan Panel tersebut dibawa untuk dibincang dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK).

Keputusan dari MJFK ini tidaklah mengikat negeri-negeri yang menjadi anggota, tetapi pada kelazimannya keputusan tersebut akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri untuk tindakan selanjutnya (Zulfaqar Mamat 2014).

Namun begitu, Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-248 (Hari Yang Pertama) pada 8 Februari 2018 telah bersetuju menukar nama Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) kepada Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hak Ehwal Ugama Islam (Jawatankuasa Muzakarah MKI). Pindaan ini dilakukan supaya tidak menimbulkan sebarang keraguan bahawa hak kuasa agama Islam terutama mengenai pengeluaran fatwa adalah terletak pada Pihak Berkuasa Agama Negeri. (Cabutan Minit Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-248 (Hari Yang Pertama), 2018)

4.3 Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022 (Peraturan MKI 2022)

Pada tahun 2022, Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-258 yang diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 10hb Mac, 2022 (Hari Yang Kedua) telah bersetuju Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) 1968 telah dimansuhkan dengan Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022. Peraturan yang baharu ini telah digubal bagi tujuan menambah baik tadbir urus Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Secara umumnya, dalam Peraturan MKI 2022, terdapat beberapa pindaan yang telah dilakukan tanpa menjaskan fungsi asal MKI. Pindaan yang dilakukan merangkumi keanggotaan Majlis, perincian terhadap tugas setiausaha Majlis, mesyuarat Majlis, dan penubuhan jawatankuasa di bawah Majlis. Berdasarkan kepada Perkara 7 Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022, dinyatakan penubuhan jawatankuasa di bawah MKI iaitu:

- (1) *Majlis boleh, dengan perkenan Majlis Raja-Raja, menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi menguruskan perkara-perkara yang berhubungan dengan fungsi-fungsinya.*
- (2) *Tanpa menjaskan keluasan subperaturan (1), Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa yang berikut:
 - (a) *Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Islam Kebangsaan;**

- (b) Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam;
- (c) Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan;
- (d) Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan.

Dalam peruntukan ini, didapati Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (Jawatankuasa Muzakarah MKI) merupakan nama baharu bagi mengantikan Jawatankuasa Fatwa sebagaimana yang termaktub dalam peraturan MKI 1968. Tindakan ini diambil bertujuan menambah baik, menyelaras dan menggalakkan keseragaman undang-undang atau pentadbiran atas kepentingan negara (Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, 2022).

Berdasarkan kepada Lampiran B, Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022 pula dinyatakan jawatankuasa tersebut:

“Jawatankuasa ini ditukar nama daripada Jawatankuasa Fatwa kepada Jawatankuasa Muzakarah MKI. Pengurus Jawatankuasa ini dilantik oleh MKI dengan perkenan Majlis Raja-Raja dan dianggotai oleh Mufti-Mufti bagi negeri masing-masing dan enam para ulama serta cendekiawan yang dilantik oleh MKI dengan perkenan Majlis Raja-Raja. Jumlah keanggotaan Jawatankuasa ini adalah seramai dua puluh satu orang, iaitu seorang Pengurus, empat belas Mufti dan enam orang ahli yang dilantik. Jawatankuasa ini diurus setiakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.”

4.4 Ulasan Terhadap Pindaan Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam perbincangan yang lalu, Peraturan MKI 2022 telah mengalami beberapa pindaan bagi tujuan penambahbaikan tadbir urus hal ehwal Islam di peringkat persekutuan. Kajian ini hanya akan melakukan tinjauan terhadap pindaan yang telah dilakukan terhadap jawatankuasa fatwa dengan ulasan ringkas perbandingan dengan Peraturan MKI 1968. Pindaan yang berlaku terhadap jawatankuasa fatwa ini merangkumi beberapa perkara sebagaimana yang berikut:

4.4.1 Penubuhan dan Perlantikan Ahli Jawatankuasa Fatwa

Dalam Perkara 10, Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 1968 menyebut;

“Majlis adalah berkuasa melantik sebuah Jawatankuasa Kecil bagi menguruskan apa-apa perkara yang berkenaan dengan tugas-tugasannya dan Majlis boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang lain menjadi ahli jawatankuasa Kecil itu.”

Manakala dalam Perkara 7(1) dan (3), Peraturan MKI 2022 pula dinyatakan keterangan penubuhan jawatankuasa sebagaimana berikut:

“(1) Majlis boleh, dengan perkenan Majlis Raja-Raja, menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi menguruskan perkara-perkara yang berhubungan dengan fungsi-fungsinya.....”

“(3) Majlis boleh melantik penggerusi dan anggota jawatankuasa dengan perkenan Majlis Raja-Raja.”

Ulasan:

Dalam Peraturan MKI 1968 dan Peraturan MKI 2022, dinyatakan secara jelas kuasa Majlis dalam menubuhkan jawatankuasa fatwa dan juga melantik ahli jawatankuasa fatwa tersebut. Namun sedikit perbezaan antara kedua-duanya iaitu dalam Peraturan MKI 2022, perlantikan penggerusi dan anggota jawatankuasa hendaklah dengan perkenan Majlis Raja-Raja manakala peruntukan seumpama ini tiada dalam Peraturan MKI 1968.

Dalam peruntukan yang baharu ini, didapati peruntukan berkenaan “Perkenan Majlis Raja-Raja” ini dilihat suatu pendekatan baharu yang dimasukkan dalam peraturan ini. Perkara ini dilihat sebagai nilai tambah yang positif memandangkan sultan-sultan negeri merupakan ketua agama bagi negeri masing-masing. Oleh itu, apabila ahli-ahli yang dilantik mendapat perkenaan daripadanya, maka ia diharapkan dapat mengalakkan penyelarasan dan penyeragaman fatwa di negeri masing-masing.

4.4.2 Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa

Berdasarkan kepada Perkara 11 (a) Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 1968 menyebut;

“Maka hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- i. *Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dari antara ahli-ahlinya;*
- ii. *Mufti tiap-tiap Negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam hal ehwal agama;*

- iii. *Lima orang alim ulama yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja;*
- iv. *Seorang ahli yang beragama Islam dari perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau dari profesi undang-undang yang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.*

Manakala dalam Lampiran B, Peraturan MKI 2022 dinyatakan keterangan keanggotaan jawatankuasa tersebut sebagaimana berikut:

“..... Jumlah keanggotaan Jawatankuasa ini adalah seramai dua puluh satu orang iaitu seorang Pengerusi, empat belas Mufti dan enam orang ahli yang dilantik. Jawatankuasa ini diurus setiakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.”

Ulasan:

Secara umumnya, jika dilakukan perbandingan kedua-dua peraturan tersebut, ia dilihat tidak jauh berbeza antara satu dengan yang lain. Didapati dalam Peraturan MKI 1968 memperuntukkan ahli seramai 21 orang ahli jawatankuasa sama dengan jumlah keanggotaan jawatankuasa tersebut dalam Peraturan MKI 2022. Namun begitu, dalam Peraturan MKI 1968 memperuntukkan seorang ahli yang berkelayakan daripada profesion undang-undang dalam jawatankuasa tersebut manakala tiada peruntukan sebegitu dalam Peraturan MKI 2022.

Pada pandangan pengkaji, penglibatan ahli daripada profesion undang-undang adalah penting dalam proses pembinaan hukum syarak. Hal ini kerana dapat membantu para ahli jawatankuasa fatwa dapat membina *sighah* pandangan hukum yang holistik serta memandu mereka dari sudut lanskap perundangan semasa. Selain itu, terdapat beberapa kes seperti isu penasaban anak tak sah taraf, *Sister In Islam* (SIS) dan beberapa kes lain yang menyaksikan fatwa dicabar oleh individu tertentu di mahkamah. Sebahagian daripada kes tersebut telah merekodkan kekalahan terhadap agensi agama dalam perbicaraan tersebut sekaligus menjaskan kreadibiliti sesuatu fatwa.

Dalam memperkasakan jawatankuasa ini, pengkaji berpandangan kriteria pelantikan mufti pada masa akan datang hendaklah bukan sahaja pada individu yang menguasai perundangan syarak tetapi juga mereka yang mahir dalam selok-belok perundangan sivil. Ini kerana lanskap perundangan negara kita adalah didominasi oleh perundangan sivil dan pelaksanaan perundangan syariah turut perlu mengambil-kira perundangan tersebut. Mufti yang memiliki kemampuan dalam kedua-kedua bidang ini pastinya menghasilkan pandangan hukum yang berkualiti di samping meraikan keadaan dan suasana

semasa.

Muhammad Ikhlas Rosele et. al (2013) pernah menyuarakan tentang faktor yang membawa kepada konflik fatwa di Malaysia ialah salah satunya adalah disebabkan komposisi ahli jawatankuasa fatwa yang tidak seimbang. Selain itu, komposisi kepakaran dan bilangan ahli jawatankuasa fatwa yang berbeza antara satu negeri dengan negeri turut menyumbang konflik ini. Perkara ini dapat dilihat secara jelas dalam struktur organisasi antara setiap institusi fatwa negeri. Begitu juga dengan kurangnya bilangan ahli akademik sebagai ahli jawatankuasa fatwa.

4.4.3 Tugasan Jawatankuasa Fatwa

Perkara 13, Peraturan MKI tahun 1968 menjelaskan tentang tugasan jawatankuasa fatwa sebagaimana berikut:

“Tugas Jawatankuasa Fatwa itu ialah menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan Ugama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis yang akan menghantarkannya bersama dengan pengsyorannya kepada Majlis Raja-Raja.”

Ulasan:

Daripada peruntukan ini jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab jawatankuasa fatwa yang ditubuhkan ialah mengeluarkan pandangan hukum berkaitan agama apabila dirujuk oleh Majlis Raja-Raja. Sesuatu pandangan hukum tersebut hendaklah dimajukan kepada Majlis yang kemudiannya akan dipersembahkan ke Majlis Raja-Raja. Namun begitu, peruntukan seumpama ini tidak didapati dalam Peraturan MKI 2022 malah dilihat seolah-olah suatu kelompongan berkaitan fungsi jawatankuasa tersebut dan tiada punca kuasa khusus yang membawa kepada pengeluaran pandangan hukum.

Dalam perkara ini, pengkaji berpandangan ia mempunyai sudut positif dan negatif. Dari sudut positif, ketiadaan peruntukan yang jelas menyatakan punca kuasa tersebut adalah satu ruang yang baik dan luas kepada JAKIM khususnya selaku sekretariat jawatankuasa ini tanpa hanya menunggu persoalan yang datang daripada Majlis Raja-Raja. Kewujudan peruntukan tersebut dalam peraturan sebelum ini telah melahirkan halangan kepada jawatankuasa ini berfungsi secara lebih efisien. Ini kerana Majlis Raja-Raja kurang mengemukakan persoalan agama kepada jawatankuasa fatwa, namun kebanyakannya permasalahan datang daripada pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, swasta dan juga orang awam.

Menurut Haslizawati (2023) Jawatankuasa Fatwa sebagaimana dalam Peraturan MKI 1968 amat jarang bersidang disebabkan kekangan dari sudut peraturan dan melibatkan titah daripada Majlis Raja-Raja. Oleh itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku badan penyelaras hal ehwal Islam di peringkat persekutuan telah mengambil inisiatif secara pentadbiran dengan mengadakan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) bagi membincangkan persoalan dan permasalahan agama yang dikemukakan. Namun, pada tahun 2018 setelah berlaku pertikaian berkenaan perkataan fatwa oleh pihak negeri, MJFK telah dijenamakan semula kepada Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Adapun dari sudut negatif pula, ketiadaan peruntukan ini bakal mengundangkan persoalan daripada masyarakat tentang fungsi dan peranan jawatankuasa ini. Ini kerana masyarakat sering kali terkeliru dengan peranan jawatankuasa ini dengan jawatankuasa fatwa negeri. Oleh itu, bagi memperkasakan jawatankuasa ini, pengkaji mencadangkan agar peruntukan tugasan jawatankuasa ini diwujudkan sebagaimana berikut:

“Tugas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ialah menimbang, memutus dan mengeluarkan pandangan hukum atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam bersifat nasional yang dirujuk kepadanya. Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis yang akan menghantarkannya bersama dengan pengsyorannya kepada Majlis Raja-Raja.”

4.5 Penjenamaan Istilah Baharu

Dalam Lampiran B, Peraturan MKI 2022 dinyatakan keterangan jawatankuasa fatwa sebagaimana berikut:

“Jawatankuasa ini ditukar nama daripada Jawatankuasa Fatwa kepada Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam”

Ulasan:

Daripada peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa nama Jawatankuasa Fatwa sebagaimana yang termaktub dalam Peraturan MKI 1968 telah dipinda kepada Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam. Pindaan ini dapat memberikan pencerahan yang jelas mengenai perbezaan jawatankuasa ini dengan jawatankuasa fatwa negeri. Ini kerana sering kali berlaku salah faham dan tomahan kepada jawatankuasa ini apabila

dikatakan cuba mengatasi dan mendominasikan bidangkuasa fatwa yang merupakan milik ekslusif negeri-negeri.

Menurut Muhammad Ikhlas Rosele (2017), oleh kerana wujudnya pelbagai institusi fatwa di Malaysia, maka wajar untuk dijelaskan kedudukan institusi-institusi fatwa tersebut. Tambahan pula wujudnya beberapa persoalan hasil dari salah faham dan kekeliruan masyarakat terhadap kedudukan institusi fatwa di Malaysia. Asyraf Wajdi Dusuki (2016) tampil dengan kenyataan yang mengatakan ramai yang masih keliru termasuk pihak media masa berkenaan status Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia atau ringkasnya disebut Jawatankuasa Fatwa MKI dengan seringkali menggunakan istilah "Majlis Fatwa Kebangsaan". Hakikat yang harus difahami, tidak wujud istilah "Majlis Fatwa Kebangsaan" kerana kuasa mewartakan fatwa dari sudut teknikal perundangan negara terutamanya sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, menetapkan perkara berkaitan agama terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab negeri-negeri. Ini bermakna sebarang fatwa hanya boleh dikeluarkan dan mempunyai kesan perundangan setelah diwarta dan diperkenankan oleh sultan-sultan yang merupakan ketua-ketua negeri yang berkuasa penuh dalam memelihara hal ehwal agama Islam.

Ringkasnya, perbandingan pindaan antara kedua-dua Peraturan MKI terhadap jawatankuasa fatwa ini dapat dilihat sebagaimana rajah di bawah:

Jadual 1. Perbandingan Pindaan Terhadap Jawatankuasa Fatwa Dalam Peraturan MKI 1968 dan Peraturan MKI 2022.

Bil	Pindaan	Peraturan MKI 1968	Peraturan MKI 2022
1.	Penubuhan dan Perlantikan Ahli Jawatankuasa Fatwa	Kuasa Majlis dalam menubuhkan jawatankuasa fatwa dan melantik ahli jawatankuasa fatwa.	Kuasa Majlis dalam menubuhkan jawatankuasa fatwa dan melantik ahli jawatankuasa fatwa (dengan perkenan Majlis Raja-Raja)
2.	Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa	21 orang ahli jawatankuasa fatwa (salah seorang daripada profesion undang-undang)	21 orang ahli jawatankuasa fatwa
3.	Tugasan Jawatankuasa Fatwa	Peruntukan mengenai tugas jawatankuasa fatwa	Tiada

4.	Penjenamaan Istilah Jawatankuasa Fatwa Baharu	Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam
----	---	---

5. KESIMPULAN

Kewujudan Peraturan MKI 2022 ini pastinya memberikan nafas baru dalam pengurusan dan penyelarasan hal ehwal Islam di Malaysia. Ia dilihat sebagai mekanisme penambahbaikan sistem urus tadbir dalam mewujudkan pengurusan yang lebih cekap dan efisien setelah sekian lama tidak disemak dan diberikan nilai tambah. Penubuhan empat jawatankuasa di bawahnya akan merancakkan lagi pengurusan hal ehwal Islam khususnya di peringkat persekutuan. Pindaan yang telah dilakukan ini pastinya bagi memperkasa dan memberikan nilai tambah kepada jawatankuasa fatwa ini meskipun sedikit sebanyak tidak dapat lari daripada kekurangan dan kelemahan. Namun begitu, kekurangan tersebut tidak merencatkan kefungsian utama jawatankuasa tersebut dalam menjadikannya kekal relevan sebagai platform perbincangan isu nasional agama di peringkat persekutuan serta jambatan yang menghubungkannya dengan jawatankuasa fatwa di seluruh negeri-negeri.

6. RUJUKAN

- Abdul Hamid Yunos. 2003. Ijtihad Dan Keperluannya Dalam Fatwa Masa Kini. *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil. 16. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu al-'Azzam, 'Abd al-Ghaniyy. 2013. *Mu'jam al-Ghaniyy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad Hidayat Buang et.al. 2000. *Laporan Projek Penganalisaan Fatwa-Fatwa Semasa Di Malaysia (IRPA No.07-02-03-0403)*. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. "Seksyen 37. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak." Dilawati pada 10 April 2023. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/e909cbcb962386e5482571fe0011df03?OpenDocument.
- Al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus bin Idris. 1993. *Sharh Muntaha al-Iradat*. Bayrut: Alim al-Kutb.
- Al-Hukmiy, Ali Bin Abbas. 2001. *Usul al-Fatwa wa Tatbiq al-Ahkam al-Syar'iyyah fi Bilad Ghayr al-Muslimin*. Beyrut: Muassasah al-Rayyan.
- Al-Shatibiyy, Abiyy Ishak Ibrahim bin Musa al-Andalusiy. *Fatawa al-Imam al-Shatibiyy*. 1985. Tunisia: t.pt.
- Anon. 2002. *Laporan Tahunan 2002*. Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan.
- Asyraf Wajdi Dusuki. 2016. "Penjernihan Salah Faham Status Majlis Fatwa Kebangsaan". Facebook.<<https://www.facebook.com/profile/100044601692003/search/?q=PENJERNIHAN%20SALAH%20FAHAM%20STATUS%20%27MAJLIS%20FATWA%20KEBANGSAAN%27>>. Dilawati pada: 13 Oktober 2023
- Cabutan Minit Keputusan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-248 (Hari Yang Kedua). 2018. *Kertas Sembah Cadangan Penukar Nama Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bai Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kepada Muzakarah Ulama MKI*. Kuala Lumpur: Pejabat Penyimpan

Mohor Besar Raja-Raja.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003. "Seksyen 47. Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk menyediakan fatwa." Dilawati pada 10 April 2023

http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/67e67d1acc5599664825711e00080def?OpenDocument

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang). 2004. "Seksyen 47. Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk menyediakan fatwa". Dilawati pada 10 April 2023.
http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/8e791863d5e2682548256faa00184cce/cf4c69bdca12efe448257132000fd491?OpenDocument

Farid Sufian Shuib et.al. 2001. *Administration of Islamic Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Haslizawati binti Ramli. Penolong Pengarah Kanan. 7 April 2023. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (Jawatankuasa Muzakarah MKI)*. (Temubual melalui telefon)

Hashim Abdullah et.al. 1998. *Perspektif Islam Di Malaysia*. Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Din Abi Bakr Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr. 1996. *I'lām al-Muwaqqi'īn 'An Rabb al-'Ālamin*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Jabatan Perdana Menteri. 1971. *Buku Tahunan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2010. *Transformasi Fikah Semasa*. Batu Caves. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.

Mahyudin Daud & Ahmad Najib Abdullah. 2019. Penginstitusian Majlis Fatwa Kebangsaan dan Kaifiat Pengeluaran Hukum: Suatu Tinjauan Umum. *Jurnal al-Basirah*. Vol. 9(2).

- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative Research And Case Study Applications in Education*. Athens: The Jossey-Bass.
- Merriam, S.B. & Associates. 2002. *Qualitative Research in Practice: Examples For Discussion and Analysis*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd. Mohadis Yasin. 2007. *Pengurusan & Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan Dan Cabaran Di Malaysia*, dlm. Abdul Samat Musa et.al. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*. Vol.1. No.1. 2007. Nilai: Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah Hj Ismail, Mohd Anuar Ramli. 2013 Konflik Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*. No. 10. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Ikhlas Rosele. 2017. "Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Di Malaysia: Peranan Dan Relevansi Penubuhannya". *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 10. Disember. Hlm. 90.
- Mustafa bin Abdul Rahman. 2006. *Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan*, dlm. *Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan*, 5-6 Disember 2006. Kuala Lumpur: Hotel Nikko. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
- Othman Haji Ishak. 1981. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd
Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. 1968. t.tpt: t.pt.
- Patton, M.Q. 2002. *Qualitative Research and Evaluation Methods*. (3rd Edition). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Chris Pickvance. 2005. *The four varieties of comparative analysis: the case of environmental regulation*. Conference on Small and large-N comparative solutions: University of Sussex.
- Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, 2022. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ritchie, J. & Lewis, J. 2005. *Qualitative Research Practice: A Guide For Social Science Students and Researchers*. London: SAGE Publications.

Sekretariat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.
Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. 2022. JAKIM: Putrajaya.

The Malay Online (2016). "Penjernihan Salah Faham Status 'Majlis Fatwa Kebangsaan'". Dilawati pada 4 April 2023 <https://ms-my.facebook.com/DakwahJAKIM/posts/penerangan-status-majlis-fatwa-kebangsaan-oleh-dr-asyraf-wajdi-dusuki-dawd/10154358406157398/>

Zulfaqar Mamat. 2014. *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia: Kajian Terhadap Penerimaan Dan Penolakan Di Peringkat Negeri.* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia.

7. BIOGRAFI

Ahmad Tarmizi bin Mahmud memperolehi ijazah sarjana muda daripada Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia pada tahun 2009 dalam bidang Fiqh and Fatwa seterusnya sarjana daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2012 dalam bidang Syariah. Kini, beliau merupakan pegawai kanan di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Bidang kajiannya merangkumi isu semasa dalam fiqh dan Usul Fiqh, pengurusan fatwa di Malaysia dan pengurusan pentadbiran awam. Beliau telah menghasilkan beberapa kajian yang telah dibentangkan dalam Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan jawatankuasa fatwa negeri di mana sebahagiannya telah diterbitkan dalam beberapa jurnal dan buku.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerosakan, atau liabiliti lain yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*